

PENYELEWENGAN AJARAN NEW AGE MOVEMENT (NAM) DI MALAYSIA: SATU ANALISIS AKIDAH DAN IMPLIKASINYA TERHADAP MASYARAKAT ISLAM

DEVIATION OF THE NEW AGE MOVEMENT (NAM) TEACHINGS IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF FAITH AND ITS IMPLICATIONS ON THE MUSLIM COMMUNITY

Syamila Syamim Mohamad Yatim¹

Mohd Norazri Mohamad Zaini^{2*}

Mohd Annas Shafiq Ayob³

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40405, Selangor, Malaysia

(E-mail: syamilasyamim@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40405, Selangor, Malaysia

(E-mail: norazri7082@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Dengkil, Selangor, Malaysia

(E-mail: mohdannas0382@uitm.edu.my)

*Corresponding author: norazri7082@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-7-2025

Revised date : 10-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 10-9-2025

To cite this document:

Mohamad Yatim, S. S., Mohamad Zaini, M. N. & Ayob, M. A. S. (2025). Penyelewengan ajaran New Age Movement (NAM) di Malaysia: Satu analisis akidah dan implikasinya terhadap masyarakat Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 384 - 396

Abstrak: Gerakan New Age Movement merupakan satu fenomena global yang menggabungkan pelbagai kepercayaan dan amalan kerohanian dari pelbagai tradisi keagamaan. Di Malaysia, pengaruh gerakan ini telah menimbulkan keimbangan apabila elemen-elemen ajarannya diserap ke dalam program pembangunan diri dan motivasi yang bercanggah dengan ajaran Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ajaran New Age Movement disebarluaskan di Malaysia, bentuk penyelewengannya serta implikasi terhadap masyarakat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis kandungan dengan menekankan kajian perpustakaan (library research) sebagai kaedah utama. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan tematik (thematic content analysis), iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama berkaitan penyelewengan ajaran NAM, mengkategorikannya mengikut kerangka akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menilai implikasi ajaran ini terhadap umat Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur sinkretisme (mencampuradukkan pelbagai ajaran dan kepercayaan) dalam ajaran ini yang berpotensi menjelaskan akidah umat Islam sekiranya tidak ditangani dengan baik. Oleh itu, kesedaran dan pemantauan oleh pihak berkuasa agama serta masyarakat adalah sangat penting untuk mengelakkan penyebaran ajaran ini.

Kata Kunci: New Age Movement, akidah, penyelewengan, sinkretisme, motivasi

Abstract: *The New Age Movement is a global phenomenon that integrates various beliefs and spiritual practices from multiple religious traditions. In Malaysia, the influence of this movement has raised concerns as its elements have been absorbed into self-development and motivational programs that contradict Islamic teachings. This study aims to analyze the dissemination of the New Age Movement in Malaysia, its forms of deviation, and its implications for the Muslim community. The study employs a qualitative descriptive approach and content analysis, with library research as the primary method. The collected data were analyzed using thematic content analysis, which involved identifying the main themes related to the deviations of NAM, categorizing them within the framework of the Sunni Islamic creed ('Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah), and evaluating the implications of this movement for Muslims. The findings reveal elements of syncretism it namely, the blending of different teachings and beliefs that have the potential to undermine the Islamic creed if left unaddressed. Therefore, awareness and monitoring by religious authorities, as well as the broader society, are crucial to preventing the spread of this movement.*

Keywords: *New Age Movement, creed, deviation, syncretism, motivation*

Pengenalan

Gerakan *New Age Movement* (NAM) semakin mendapat perhatian kerana penyebarannya kini tidak lagi terbatas kepada dunia Barat tetapi turut meresap ke dalam masyarakat Islam di Malaysia melalui kursus motivasi, program pembangunan diri serta platform media sosial. Di Malaysia, pengaruh ini dikesan apabila konsep-konsep seperti *Law of Attraction* dipromosikan dengan istilah berunsur Islamik seperti “magnet rezeki”, “kuasa doa” atau “getaran positif” (Ismail et al., 2023). Fenomena ini menimbulkan kebimbangan kerana ia mewujudkan kekeliruan antara ajaran Islam sebenar dengan kepercayaan sinkretisme yang bertentangan dengan prinsip akidah Islam.

Lebih membimbangkan, terdapat usaha untuk “mengislamisasikan” idea-idea bercorak NAM dengan mengaitkannya dengan doa atau penggunaan ayat al-Quran sebagai medium kebatinan (Susanto, 2012; Ishak, 2009; Nurdin, 2012). Fenomena ini memperlihatkan bagaimana ajaran berteraskan falsafah kebatinan diolah dengan menggunakan istilah atau kerangka Islam bagi menarik perhatian masyarakat awam. Pendekatan sebegini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan terhadap kefahaman akidah, malah berpotensi melemahkan asas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras akidah umat Islam di Malaysia. Hal ini menjadi lebih membimbangkan apabila tahap kefahaman akidah dalam kalangan generasi muda masih memerlukan pengukuhan (Mustapa et al., 2025). Sedangkan al-Quran sendiri telah menetapkan asas keimanan yang jelas, antaranya sebagaimana yang digariskan dalam Surah Yasin (Shahabudin, 2021). Oleh itu, usaha memperkuuh akidah bukan sahaja penting untuk mempertahankan identiti keislaman masyarakat, malah menjadi prasyarat utama dalam melahirkan pendakwah yang kompeten bagi menghadapi cabaran penyebaran fahaman seperti NAM di Malaysia (Yusof & Don, 2024).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis ajaran *New Age Movement* disebarluaskan di Malaysia dan bentuk penyelewengannya serta mengkaji implikasinya terhadap masyarakat Islam. Penelitian ini penting bagi memperkuuh kefahaman akidah dan menyediakan asas kepada strategi dakwah serta langkah pencegahan yang lebih efektif dalam

menghadapi pengaruh NAM yang semakin meluas. Akhirnya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang ancaman penyelewengan NAM serta menawarkan panduan praktikal dalam melindungi masyarakat Islam di Malaysia daripada kesannya.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ajaran *New Age Movement* (NAM) disebarluaskan di Malaysia, bentuk penyelewengannya serta implikasi terhadap masyarakat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis kandungan dengan menekankan kajian perpustakaan (*library research*) sebagai kaedah utama. Sorotan literatur (*literature review*) turut dilakukan untuk mengenal pasti perbincangan terdahulu mengenai asal-usul NAM di Barat, perkembangannya dalam konteks global, proses penularannya ke Malaysia serta penilaian sarjana Islam terhadap ajaran ini. Hasil sorotan literatur ini menjadi asas kepada proses analisis kandungan tematik (*thematic content analysis*), iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama berkaitan penyelewengan ajaran NAM, mengkategorikannya mengikut kerangka akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menilai implikasi ajaran ini terhadap umat Islam.

Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan sorotan literatur yang berkaitan dengan gerakan *New Age Movement* (NAM) serta perkembangannya dalam konteks global dan tempatan, dengan penekanan terhadap cabaran akidah umat Islam di Malaysia. Kajian lepas menunjukkan bahawa ajaran ini berakar daripada falsafah mistik dan tradisi kerohanian pelbagai budaya, sebelum berkembang menjadi fenomena global yang mempengaruhi wacana spiritual moden. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, sorotan literatur ini dibahagikan kepada beberapa tema utama, iaitu (i) asal usul dan perkembangan gerakan *New Age*, (ii) penyelewengan ajaran *New Age* dalam konteks Malaysia, (iii) dimensi penyelewengan ajaran *New Age* berdasarkan kerangka akidah Islam dan (iv) implikasi ajaran *New Age* terhadap masyarakat Islam. Pembahagian tema ini membolehkan perbincangan dijalankan secara sistematik, di samping menghubungkannya dengan objektif kajian yang menilai bentuk penyelewengan NAM serta kesannya terhadap akidah dan kehidupan umat Islam di Malaysia.

Asal Usul Dan Perkembangan Gerakan New Age

New Age Movement adalah satu fenomena kepercayaan dan amalan kerohanian yang berakar umbi daripada pelbagai tradisi, termasuk Hindu, Buddha dan falsafah kebatinan Barat (Hanegraaff, 2018). York (1995) menegaskan bahawa NAM berkembang sebagai sebuah *emerging network* iaitu rangkaian sosial dan satu bentuk kerohanian yang longgar serta merentasi sempadan agama arus perdana dan membentuk satu alternatif kerohanian baharu. Possamai (2007) pula menjelaskan bahawa NAM bertumbuh dalam *cultic milieu*, iaitu ruang sosial yang menampung pelbagai kepercayaan pinggiran (*fringe spirituality*) dan kebatinan sekali gus membolehkan idea-idea spiritual tersebut dipasarkan serta diamalkan secara meluas dalam konteks pasaran spiritual moden. Menurut Løøv (2024), NAM bukanlah sebuah agama yang tersusun namun lebih kepada satu rangkaian longgar (*loosely connected network*) yang menghimpunkan pelbagai kepercayaan, amalan spiritual dan falsafah hidup dengan tumpuan kepada transformasi diri, kesejahteraan holistik serta pencarian makna di luar kerangka agama arus perdana. Sifatnya yang terbuka dan fleksibel membolehkan NAM menyerap unsur

daripada pelbagai tradisi termasuk istilah-istilah Islam sehingga melahirkan bentuk kerohanian (*spirituality*) yang berpotensi menyesatkan dan meruntuhkan keteguhan akidah umat Islam. Berdasarkan kajian York (2016), gerakan NAM mula berkembang dengan menunjukkan bagaimana unsur-unsur *paganisme* dan spiritualiti alternatif telah mula dibawa masuk ke dalam forum-forum agama antarabangsa lalu diberi ruang dalam wacana dialog antara agama. Perkembangan ini menunjukkan bahawa NAM tidak lagi dilihat sebagai gerakan pinggiran semata-mata tetapi diterima dalam kerangka pluralisme agama moden. Wood (2016) pula menegaskan bahawa amalan NAM memperlihatkan kekeliruan dari segi siapa yang dianggap berautoriti dalam hal kerohanian kerana sumber panduan rohani tidak lagi berpusat kepada institusi agama tradisional serta tiada kepimpinan berpusat sebaliknya ia berpindah kepada kehendak pasaran, media dan tokoh individu yang mempunyai karisma (Jabatan Agama Islam Selangor, 2025). Hal ini menimbulkan cabaran baharu kerana ia membuka ruang kepada tafsiran kerohanian yang longgar dan bercampur aduk sehingga meningkatkan risiko penyelewengan terhadap akidah umat Islam.

Gerakan ini mula mendapat perhatian pada akhir abad ke-19 melalui pengaruh gerakan teosofi dan esoterisme Barat yang menekankan aspek kebatinan dan kuasa minda dalam mencapai kejayaan dan kesejahteraan hidup (York, 1995). Pada abad ke-20, ia berkembang pesat melalui medium seperti buku motivasi, seminar pembangunan diri, serta amalan penyembuhan alternatif berdasarkan tenaga kosmik dan meditasi. Penyebarannya semakin kuat dengan kemunculan tokoh popular seperti Rhonda Byrne melalui karya *The Secret* yang mempopularkan konsep Hukum Tarikan (*Law of Attraction*) berdasarkan idea bahawa pemikiran manusia mampu mempengaruhi realiti kehidupan mereka (Byrne, 2012). Kajian lanjutan turut menunjukkan bahawa karya ini bukan sahaja diterjemah secara meluas (Furlan, 2013), malah membentuk fenomena media global melalui filem, buku dan laman sesawang yang mendapat sambutan besar dalam kalangan khalayak (Lauricella, 2011).

Selain Rhonda Byrne yang mempopularkan konsep Hukum Tarikan, tokoh lain seperti Deepak Chopra dan Eckhart Tolle turut memberi sumbangan besar dalam memperluas pengaruh NAM. Chopra melalui karyanya *Self Power: Spiritual Solutions to Life's Greatest Challenges* menekankan bahawa manusia memiliki kekuatan dalaman yang mampu memberikan penyelesaian kepada cabaran hidup sehari-hari (Chopra, 2012). Idea ini selari dengan prinsip NAM yang mengagungkan potensi diri sebagai kunci kepada kebahagiaan dan kejayaan. Sementara itu, Tolle melalui bukunya *A New Earth: Awakening to Your Life's Purpose* menekankan transformasi kesedaran sebagai jalan menuju makna hidup yang menggambarkan konsep kesedaran sejagat dan pengaruh kuasa minda dalam membentuk realiti (Tolle, 2006). Kedua-dua tokoh ini bersama Byrne yang menjadi antara suara dominan mengarusperdanakan fahaman NAM dalam bentuk yang lebih moden, mudah diakses dan diterima oleh lapisan masyarakat diseluruh dunia (Chryssides, G. 2007).

Di Malaysia, ajaran ini berkembang melalui pendekatan yang lebih terselindung, iaitu dengan diserap masuk ke dalam kursus pembangunan diri dan seminar motivasi yang menggunakan istilah-istilah mesra Islam seperti "kuasa doa" dan "rezeki magnet" (MAIS). Program seperti *Magnet Kekayaan dan Kejayaan* serta *Rahsia Daya Tarikan* merupakan contoh yang menggunakan prinsip Hukum Tarikan untuk memberikan motivasi kepada peserta, namun tanpa penjelasan bahawa konsep ini sebenarnya berakar daripada kepercayaan NAM yang bertentangan dengan prinsip tauhid dalam Islam (Ismail, 2021). Hal ini seiring dengan daptan MAIS yang menegaskan bahawa pengaruh ajaran NAM telah menyusup masuk ke dalam

wacana motivasi di Malaysia, sekali gus menimbulkan ancaman kepada kefahaman akidah masyarakat Muslim.

Penyelewengan Ajaran New Age di Malaysia

Di Malaysia, ajaran *New Age Movement* (NAM) telah memasuki wacana motivasi dan pembangunan diri dalam bentuk yang terselindung. Salah satu penyelewengan yang dominan ialah konsep rezeki melalui doktrin *Law of Attraction*, yang mendakwa bahawa pemikiran positif dan “frekuensi tenaga” mampu menarik kekayaan serta kejayaan hidup (Byrne, 2011; Woelfel, 2008). Kefahaman ini jelas bercanggah dengan prinsip Islam yang menegaskan bahawa rezeki adalah milik mutlak Allah SWT dan ditentukan sepenuhnya oleh-Nya, meskipun manusia dituntut untuk berikhtiar (al-Farisy, 2024). Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا مِنْ ذَبَابٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

“Dan tidak ada satu makhluk melata pun di bumi melainkan Allah jualah yang menjamin rezekinya.”

(Surah Hūd, 11:6)

Hal ini diperkuatkan dengan firman Allah SWT dalam Surah Hūd (11:6) yang menegaskan bahawa setiap makhluk dijamin rezekinya oleh Allah, serta didukung oleh kajian Sumarlin et al. (2023) dan Novitasari (2022) yang menjelaskan bahawa rezeki menurut al-Quran merangkumi pelbagai aspek kehidupan, bukan hanya kekayaan material. Justeru, penekanan NAM terhadap kuasa minda semata-mata adalah penyelewengan yang menyalahi prinsip akidah Islam.

Penyelewengan lain dapat dilihat dalam dakwaan bahawa manusia mempunyai “kekuatan dalaman” untuk menentukan segala yang diinginkan, sehingga menafikan kebergantungan mutlak kepada Allah SWT. Pemikiran sebegini boleh membawa kepada syirik, sebagaimana ditegaskan dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَتَنْهُمْ لُفْقَرٌ إِلَى اللَّهِ وَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَنِيْ أَحْمَدٌ

“Wahai manusia! Kamulah yang sangat berhajat kepada Allah, sedangkan Allah Dialah Yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.”

(Fātir, 35:15)

Serta terdapat hadis daripada Ibn ‘Abbās r.a.:

إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأَمَةَ لَوْ اجْتَمَعْتَ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بَشَّيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ

إِلَّا بَشَّيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بَشَّيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بَشَّيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ

“Apabila engkau meminta, maka mintalah kepada Allah. Dan apabila engkau memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah, sekiranya seluruh umat berkumpul untuk memberi manfaat kepadamu, mereka tidak akan mampu memberi manfaat kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan untukmu. Dan sekiranya mereka berkumpul untuk memudaratkanmu, mereka tidak akan mampu memudaratkanmu kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan ke atasmu”

(Riwayat al-Tirmidhī: no. 2516)

Berdasarkan hadis di atas, segala manfaat dan mudarat hanya berlaku dengan izin Allah. Hal ini menunjukkan bahawa ajaran NAM telah merosakkan asas keimanan kepada konsep ketuhanan dengan memindahkan pergantungan manusia daripada Allah kepada daya kuasa minda atau kosmik semata-mata.

Selain itu, beberapa amalan bercorak kerohanian asing juga diserap ke dalam gaya hidup moden dengan justifikasi kesihatan dan spiritual. Awang Teh (2010), misalnya, meneliti amalan yoga di Malaysia yang pada zahirnya dipromosikan sebagai senaman kesihatan, tetapi hakikatnya berakar daripada tradisi kebatinan Hindu yang bercanggah dengan akidah Islam. Junaidi & Salleh (2024) turut menegaskan bahawa fenomena sinkretisme seperti ini, jika tidak dibendung, berpotensi mengikis kefahaman akidah umat Islam secara perlahan. Keadaan ini semakin membimbangkan apabila media baharu turut menjadi medium dominan penyebaran fahaman kerohanian alternatif, termasuk NAM, yang memanfaatkan ruang maya bagi mempengaruhi pembentukan identiti rohani generasi muda (Campbell & Tsuria, 2021; Cheong et al. 2012).

Penyebaran NAM melalui media sosial semakin ketara apabila konsep seperti “manifestasi keinginan” dipopularkan di platform digital sebagai sebahagian daripada naratif motivasi rohani (Abdullah, M. 2021). Naratif ini menimbulkan kekeliruan kerana ia kelihatan seolah-olah serasi dengan ajaran agama arus perdana sedangkan hakikatnya ia berpunca daripada falsafah kebatinan alternatif yang bercanggah dengan akidah Islam (Gill, 2024). Dalam konteks tempatan, istilah seperti “magnet rezeki” atau “getaran tenaga positif” dipasarkan melalui aplikasi dan kursus dalam talian bagi menarik minat masyarakat Muslim (Arif, A. 2015). Fenomena ini mengundang kebimbangan, sebagaimana dinyatakan Mohd Nor (2025), kerana ia bukan sahaja mempengaruhi gaya hidup moden tetapi juga berpotensi menggugat akidah dan kestabilan psikospiritual umat Islam.

Perkembangan mutakhir NAM turut menunjukkan keseriusan ancaman ini yang berpotensi menggugat kestabilan pemikiran akidah serta mencabar autoriti ilmu Islam. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengingatkan umat Islam agar berhati-hati terhadap program motivasi berunsur metafizik yang tiada asas dalam Islam (Mohamed, 2025). Laporan media turut mendedahkan amalan bercorak *New Age Movement*, seperti yoga yang disertai dengan lafadz pengulangan untuk menarik kekayaan (Idris, 2025), serta penggunaan al-Quran untuk tujuan tiliakan dalam kehidupan (Ali, 2019). Amalan seperti ini jelas menyimpang daripada akidah Islam kerana menjadikan kalam wahyu yang suci sebagai medium ramalan kebatinan dan bukan sebagai petunjuk syariat. Kesemua bukti ini menunjukkan bahawa penyelewengan NAM di Malaysia berlaku melalui pelbagai saluran sama ada motivasi, gaya hidup, maupun media digital. Sehubungan itu, hal ini menuntut perhatian serius bagi melindungi akidah umat Islam.

Bentuk Penyelewengan Ajaran New Age di Malaysia

Berdasarkan analisis akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, penyelewengan ajaran NAM di Malaysia dapat dikategorikan kepada empat bentuk utama:

1. Syirik *Rububiyyah*

NAM menekankan bahawa tenaga kosmik atau “kuasa semesta” mampu menentukan perjalanan hidup seseorang. Kepercayaan ini menafikan peranan Allah semata-mata sebagai

Rabb yang Maha Mengatur segala urusan alam, dengan menambah selain daripada-Nya (QS. Yunus:31; Qutb, 2002). Dengan mempercayai tenaga kosmik sebagai penentu rezeki atau nasib, seseorang itu telah mensyirikkan Allah dalam aspek rububiyyah iaitu menafikan Allah SWT sebagai pentadbir dan pencipta alam semesta (al-Jaza'iri, 2014, 11). Dan kefahaman ini mirip kepada pemikiran golongan zindiq (orang yang terpesong) atau atheis yang menolak kewujudan Tuhan secara total (Abu al-Sabuni, 2014, 11).

2. Syirik *Uluhiyyah*

Ajaran NAM mendorong manusia bergantung kepada kuasa minda, meditasi atau ritual tertentu untuk mencapai kejayaan. Ia membawa kepada pengabdian selain daripada Allah, sedangkan Islam menegaskan hanya Allah yang layak disembah dan menjadi tempat pergantungan (QS. al-Fatihah:5). Kebergantungan manusia kepada selain daripada Allah hatta kepada dirinya sendiri telah menyalahi konsep Uluhiyyah, sedangkan pada konsep inilah manusia sepatutnya akan berpaling daripada kekuasaan makhluk, manusia hatta alam. (Qutb, 2002; al-Zuhaili, 2013)

3. *Bid'ah* dan *Khurafat*

Sesetengah pengamal NAM di Malaysia menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai “petunjuk kebatinan” untuk menilik kehidupan, atau menggabungkan konsep Islam dengan teknik manifestasi. Perbuatan ini bukan sahaja *bid'ah*, bahkan boleh tergolong sebagai kepercayaan khurafat kerana mengubah fungsi al-Quran daripada kitab hidayah kepada alat ramalan. Ulama berbeza pendapat khususnya dalam memakruhkan atau mengharamkan isu perbahasan “petunjuk kebatinan” daripada kitab suci atau *bibliomancy*, malah ianya juga sering digelar sebagai Garfu Tala (Noordin, 2021; Jabatan Agama Islam Selangor, 2025). Ibn al-Haythamī menegaskan agar berpada pada ajaran Rasulullah SAW kerana agama Islam sudah lengkap dan dicukupi tanpa memerlukan kaedah-kaedah khurafat atau yang baharu. (al-Haythamī, 1896, 1: 186)

4. Sinkretisme Agama

NAM mengaplikasikan pendekatan sinkretisme dengan mencampur-adukkan tradisi kerohanian daripada Hindu, Buddha, falsafah kebatinan Barat serta istilah Islam dalam kerangka yang dipromosikan sebagai universal. Fenomena ini selari dengan pemerhatian Rahim (2021) bahawa pembangunan diri kontemporari sering mengambil bentuk sinkretisme demi membina naratif kerohanian inklusif, walaupun ia menimbulkan implikasi doktrin yang merosakkan. NAM juga sering dikaitkan dengan ideologi Pluralisme Agama di Barat (Smyth, 2001; Albanese, 1999; Roof & McKinney, 1987). Keadaan ini membawa kepada kekeliruan identiti akidah umat Islam kerana mengaburkan pemisahan antara tauhid dengan fahaman kufur (Mokhtar & Sa'ari, 2015), bahkan ditolak oleh pihak gereja dan pendeta Kristian (Kraft, 2002).

Implikasi Ajaran New Age terhadap Masyarakat Islam

Para ulama di Malaysia secara konsisten mengecam ajaran NAM sebagai ancaman kepada akidah Islam. Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa bahawa sebarang ajaran yang mengandungi unsur pantheisme, pluralisme, sinkretisme, dan konsep tenaga spiritual yang tidak berlandaskan Islam adalah bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (MAIS, n.d). Ulama di Malaysia seperti Dr. Zulkifli al-Bakri juga telah memberi amaran bahawa konsep Hukum Tarikan yang mengajar manusia untuk mempercayai "getaran tenaga"

dan "manifestasi realiti" boleh menghakis keyakinan kepada qada' dan qadar Allah SWT (al-Bakri, 2025).

Kesan ajaran NAM bukan sahaja terbatas pada aspek teologi, tetapi juga menjangkau pelbagai dimensi kehidupan:

1. Implikasi Teologi

Ajaran ini menghakis keyakinan terhadap qada' dan qadar serta membawa kepada syirik yang tersembunyi dengan meletakkan kebergantungan mutlak pada kuasa minda dan tenaga kosmik, khususnya terhadap Tauhid *Rububiyyah* dan *Uluihiyyah* (al-Bakri, 2021; Syed Qutb, 2002). Dan ajaran ini pastinya bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (MAIS, n.d).

2. Implikasi Sosial

Penyebaran ajaran ini mewujudkan fenomena sinkretisme agama yang boleh melemahkan jati diri Muslim dan mengganggu perpaduan masyarakat Islam. Ini kerana antara bentuk sinkretisme yang turut diamalkan oleh *New Age Movement* antaranya percampuran agama dengan agama, falsafah dan budaya yang berbeza daripada teras agama Islam, dan ianya bertentangan dengan ajaran Islam. (Mokhtar & Sa'ari, 2015). Ia juga menggalakkan fahaman individualistik yang bertentangan dengan nilai ukhuwah Islamiah (Shavrina & Skrebets, 2025).

3. Implikasi Ekonomi

Industri motivasi berdasarkan ajaran NAM telah berkembang menjadi perniagaan bernilai tinggi melalui kursus berbayar. Peserta sering dieksplotasi dengan janji kejayaan materialistik yang bersifat ilusif (Hassan, 2021). Industri motivasi berdasarkan ajaran *New Age Movement* telah berkembang menjadi sebuah ekosistem perniagaan spiritual bernilai tinggi yang merentasi kursus berbayar, seminar, dan program pembangunan diri. Walaupun memberikan janji kejayaan materialistik dan transformasi hidup, realitinya ramai peserta dieksplotasi melalui tawaran yang bersifat ilusif tanpa atas praktikal yang kukuh. Fenomena ini bukan sahaja menimbulkan beban ekonomi kepada individu, termasuk masyarakat Muslim tetapi juga mengundang risiko akidah apabila spiritualiti dijadikan komoditi pasaran (Nasir, 2022; Wijaya et al., 2024).

Industri motivasi dan kursus pembangunan diri berdasarkan ajaran NAM sering menggunakan retorik kejayaan cepat dan janji materialistik untuk menarik peserta membayar yuran yang tinggi. Hakikatnya, hasil yang dijanjikan jarang tercapai, sebaliknya peserta terus dipujuk menyertai siri kursus tambahan dalam satu kitaran perbelanjaan yang tiada penghujung (Mohamad Zahir, 2025). Fenomena ini menjerumuskan sebahagian individu ke dalam kerugian kewangan, hutang, dan ketergantungan emosi, menyerupai pola penipuan piramid atau skim cepat kaya yang beroperasi atas nama "pencerahan spiritual".

4. Implikasi Psikologi

Penekanan berlebihan terhadap "manifestasi keinginan" boleh menimbulkan kekecewaan dan tekanan mental apabila harapan yang diharapkan tidak tercapai, malah peserta juga akan dimanipulasi dengan pujuk rayu para pengamal NAM sehingga mengakibatkan kerugian yang besar (Mohamad Zahir, 2025). Akan tetapi yang lebih parah ajaran NAM ini boleh membawa kepada krisis identiti spiritual dalam kalangan Muslim selain daripada beban ekonomi (Nasir, 2022; Wijaya et al., 2024). Selain itu, sifat NAM yang mengutamakan diri melalui pengagungan autonomi rohani dan pemaknaan pengalaman batin mendorong kesamaran batas

amalan serta menghakis wibawa rujukan agama. Akhirnya, terdapat kelompok Muslim yang mengekalkan identiti Islam namun mengamalkan ritual penyembuhan NAM, hal ini mencairkan disiplin penilaian syarak dan menambahkan beban emosi apabila hasil yang diharap tidak terhasil (Levin, 2022).

Selain itu, kesan lain adalah kepercayaan magis dan ilusi kawalan kepada seseorang yang diyakinkan bahawa bayangan positif, visualisasi, atau “tenaga” diri boleh menarik hasil yang diidamkan sehingga meletakkan individu pada landasan jangkaan yang tidak realistik dan keputusan berisiko, lalu meningkatkan kebarangkalian kekecewaan dan tekanan mental (Dixon et al., 2025). Selaras dengan itu, kajian klinikal dan komentar psikiatri mutakhir menegaskan bahawa penghayatan *law of attraction* boleh hadir bersama ciri masalah psikologi tertentu (Mehra & Chakravarty 2024).

5. Implikasi Budaya

NAM memperkenalkan budaya pseudo-spiritual yang bercampur aduk dengan istilah Islam. Budaya ini berpotensi menghakis kesucian ajaran Islam apabila masyarakat terbiasa dengan pendekatan yang menyamar sebagai “Islamik” tetapi hakikatnya berakar daripada falsafah kebatinan asing. Implikasi budaya ini bukan hanya berlaku pada agama Islam dan Melayu semata-mata, tetapi ianya juga pernah berlaku pada ajaran Kristian di Barat. (Smyth, 2001; Albanese, 1999; Roof dan McKinney, 1987). Fenomena NAM telah membawa implikasi psikologi yang signifikan dalam masyarakat Muslim apabila konsep-konsep pseudo-spiritual diterapkan dalam bentuk yang cuba disamakan dengan Islam, namun asasnya berpunca daripada falsafah kebatinan asing. Amalan seperti penyembuhan tenaga, meditasi kebatinan serta simbol kerohanian yang tidak bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dipromosikan melalui media moden sehingga membentuk gambaran yang kelihatan benar tetapi hakikatnya palsu yang boleh mengelirukan umat Islam (Levin, 2022).

Kajian lapangan terhadap kelompok Muslim yang menerima unsur NAM seperti komuniti “Muslim New Agers” di Pekalongan, Indonesia menunjukkan bagaimana amalan kerohanian bercampur aduk, contohnya *Shamballa Multi Dimension Healing*, akhirnya membentuk identiti keagamaan yang kabur serta meragukan dari segi akidah (Aida, 2012). Selain itu, penyebaran budaya ini melalui platform digital menampilkan gambaran kerohanian moden dengan janji kebahagiaan dan kesembuhan, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam membezakan antara ajaran Islam yang sah dengan unsur kebatinan asing (Gürel & Mencet, 2024). Kesannya, budaya sinkretisme dan fahaman relativisme agama semakin dinormalisasikan, sesuatu yang jelas mengancam kemurnian tauhid dan menuntut tindakan pemurnian akidah yang lebih tuntas dalam masyarakat Muslim.

Langkah Pencegahan dan Cadangan

Langkah pencegahan bagi masyarakat Muslim ketika berhadapan dengan *New Age Movement* (NAM) perlu bersifat bersepudu, merentas pendidikan, tadbir urus keagamaan dan penjagaan kesihatan iaitu memperkuuh literasi akidah dan adab kerohanian berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah agar autonomi rohani yang ditonjolkan oleh NAM (kerohanian privat dan berpusat pada diri) dapat ditimbang dengan neraca ilmu dan autoriti yang sah. Umat Islam disarankan merujuk kepada Jabatan Mufti untuk mendapatkan nasihat yang tepat berkenaan apa-apa kemosyikilan termasuk melibatkan aktiviti-aktiviti yang menggunakan nama motivasi, pembangunan diri, spiritual dan lain-lain yang berkaitan (Abdul Rahman, 2025). Sehubungan

itu, tasawuf dalam tradisi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berteraskan al-Quran, al-Sunnah dan turath ulama muktabar merupakan landasan yang sahih dan seimbang bagi memenuhi keperluan kerohanian umat Islam. Pendekatan psikospiritualnya yang menekankan disiplin *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), pengukuhan zikir, latihan *muraqabah* dan *muhasabah*, serta pengenalan bertahap terhadap maqam-maqam kerohanian, membentuk proses pembangunan diri yang terarah, berautoriti, dan serasi dengan syarak, sekali gus menjadi alternatif yang berwibawa untuk menangani kekosongan jiwa masyarakat moden tanpa terjerumus ke dalam amalan sinkretik.

Kesimpulan dan cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pengaruh *New Age Movement* (NAM) di Malaysia membawa implikasi besar terhadap akidah umat Islam apabila elemen-elemen sinkretisme, syirik *rububiyyah*, syirik *uluhiyah*, *bid'ah* dan khurafat diserap masuk ke dalam program motivasi, pembangunan diri serta gaya hidup moden dengan menggunakan istilah yang kelihatan serasi dengan Islam. Fenomena ini menimbulkan kekeliruan dan berpotensi melemahkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, selain memberi kesan negatif terhadap aspek teologi, sosial, ekonomi, psikologi dan budaya masyarakat Islam. Oleh itu, kesedaran masyarakat, pengawasan pihak berautoriti agama serta pengukuhan pendidikan akidah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah perlu diberi penekanan agar umat Islam tidak terjerumus ke dalam penyelewengan NAM dan dapat mempertahankan kesucian tauhid serta jati diri keislaman yang murni.

Kajian ini terhad kepada analisis dokumen dan literatur, justeru penyelidikan lanjutan wajar dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pengaruh *New Age Movement* (NAM) dalam masyarakat Muslim. Kajian masa depan boleh menumpukan kepada penyelidikan lapangan melalui temu bual dengan peserta kursus motivasi, pengajur seminar pembangunan diri serta pihak berkuasa agama untuk memahami bentuk penyelewengan yang berlaku secara langsung. Selain itu, kajian kuantitatif berskala besar juga boleh dijalankan bagi menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat terhadap unsur-unsur NAM. Pendekatan kajian kes terhadap komuniti tertentu, perbandingan antarabangsa dengan negara Muslim lain serta analisis interdisiplin yang menggabungkan perspektif akidah, psikologi, sosiologi dan komunikasi juga amat diperlukan. Langkah ini akan memperkuuh kefahaman ilmiah, sekali gus menyumbang kepada strategi pencegahan dan pendidikan akidah yang lebih berkesan dalam mendepani cabaran pengaruh NAM.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Mohd Norazri Mohd Zaini dan Mohd Annas Ayob Shafiq Ayob atas sumbangan idea, penyuntingan dan penambahbaikan artikel sepanjang proses penulisan ini.

Senarai Rujukan

- Abdul Rahman, A. R. (2025, 13 Julai). Fahaman New Age Movement mula menyusup dalam program motivasi. Kosmo Online. <https://www.kosmo.com.my/2025/07/13/new-age-movement-mula-menysup-dalam-program-motivasi/>
- Abdullah, M. (2021). *Penyelewengan akidah dalam motivasi kontemporari*. Kuala Lumpur: UIAM Press.
- Aida, N. (2012). Jamaah Kraton: The Muslim New agers from Pekalongan. *Indonesian Journal of Islamic and Muslim Societies*, 2(1), 25–48. <https://doi.org/10.18326/ijims.v2i1.25-48>
- Albanese, C. (1999) *America: Religion and Religions* (London: Wandsworth): 359,
- Al-Farisy, I. (2024). *Rezeki antara ikhtiar dan takdir dalam perspektif al-qur'an* [Disertasi Sarjana tidak diterbitkan] Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- al-Haythamī, A. A. B (1896). *Majma' al-Zawāid wa Munabi' al-Fawāid*, Beirut: Mu'assah al-Ma'ārifah 1: 186
- Ali, S. (2019). *Kesedaran spiritual dalam Islam dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Jaza'iri, A. B. J. (2014). *Minhaj al-Muslim: Panduan Hidup Muslim Sempurna*. (Shah Alam: Grup Buku Karangkraf) 11
- al-Sabuni, A. U. I. (2014). *Aqidah Yang Membawa ke Syurga*. (A. A. Muhammad Noor. terj.). Karangkraf Sdn. Bhd
- al-Zuhaili, W. (2013) *Tafsir al-Munir: Akidah, syariah, manhaj*. Gema Insani.
- Arif, A. (2015). *The magic of money magnet*. GUEPEDIA.
- Awang Teh, A. (2010). Praktik yoga di pusat yoga Malaysian Association of Yoga Instructors (MAYI): satu kajian dari perspektif pemikiran Islam [Tesis Doktoral tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Byrne, B. (2012). *Murmur*. University of Technology Sydney (Australia).
- Byrne, R. (2011). *The Secret*. Simon and Schuster.
- Campbell, H. A., & Tsuria, R. (Eds.). (2021). *Digital religion: Understanding religious practice in digital media*. Routledge.
- Cheong, P. H., Fischer-Nielsen, P., Gelfgren, S., & Ess, C. (2012). *Digital religion, social media and culture: perspectives, practices, and futures*. Peter Lang.
- Chopra, D. (2012). *Self-power: Spiritual solutions to life's greatest challenges*. Random House.
- Chryssides, G. (2007). *Historical Dictionary of New Religious Movements*. Scarecrow Press.
- Dixon, L. J., Hornsey, M. J., & Hartley, N. (2025). "The Secret" to success? The psychology of belief in manifestation. *Personality & Social Psychology Bulletin*, 51(1), 49–65. <https://doi.org/10.1177/01461672231181162>
- faith in surah yasin: an early highlight. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Furlan, A. (2013). *Translation of self-help books: Translation problems in Rhonda Byrne's "The Secret"* [Tesis doctoral yang tidak diterbitkan] Univerza v Mariboru.
- Gill, M. (2024, 24 November). *Not quite religion, not quite self-help: Welcome to the Jordan Peterson age of nonsense*. The Guardian. <https://www.theguardian.com>
- Gürel, N., & Mencet, M. S. (2024). Islamic forms of new age belief in syncretic hyperreality. *Journal of Media and Religion Studies*, (Special Issue 1), 219-251.
- Hanegraaff, W. J. (2018). New age religion and western culture: esotericism in the mirror of secular thought (Vol. 72). Brill.
- Hassan, R. (2021). Fenomena media sosial dan penyebaran kepercayaan alternatif. Penerbit UKM.

- Idris, H. (2025, 14 Julai). *Yoga 3 pagi, ulang lafaz ‘nak kaya’ amalan New Age Movement.* Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2025/07/yoga-3-pagi-ulang-lafaz-nak-kaya-amalan-new-age-movement/>
- Ishak, H. (2009). *Quranic law of attraction.* PTS Litera Utama.
- Ismail, M. A. (2024). Pembentukan karakter melalui penghayatan akidah dalam program
- Ismail, M., Sidik, S., & Hamka, H. (2023, September). Internalization of 21st century religious moderation values through social media. In *Proceedings of International Conference on Islamic and Interdisciplinary Studies* (Vol. 2, pp. 337-344).
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2025, Ogos 25). *Ciri-ciri New Age* [Video]. Facebook. <https://www.facebook.com/share/v/19QHmzfkzq/>
- J-QAF. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM Jilid, 9, 47.*
- Junedi, A. R., & Salleh, N. (2024). Doktrin dan amalan kerohanian gerakan New Age. *International Journal of West Asian Studies, 16, 1-17*
- kompeten di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 7(3), 138-148.*
- Kraft, S. E. (2002) "To Mix or Not to Mix": Syncretism/Anti-syncretism in the history of theosophy, *Numen: International Review for the History of Religions* 49, no. 2, 142
- Lauricella, S. (2011). Making sense of spiritual media: An audience study of The Secret DVD, book and website. *Nebula, 8(1), 181-198.*
- Levin, J. (2022). New Age healing: Origins, definitions, and implications. *Religions, 13(9), 777.* <https://doi.org/10.3390/rel13090777>
- Løøv, M. (2024). *The New Age Movement.* Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781009058155>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (t.t). Ancaman ajaran New Age ke dalam program motivasi. <https://main.mais.gov.my/ancaman-ajaran-new-age-ke-dalam-program-motivasi/>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (t.t). Dakwah ajaran New Age dan kesannya di Malaysia. <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/ajaran-new-age-dan-kesannya-di-malaysia/>
- Mehra, A., & Chakravarty, R. (2024). “Law of Attraction”: A manifestation of psychological disorder or not. *Asian Journal of Psychiatry, 100, 104155.*
- Mohamad Zahir, Z. (2025, 13 Julai). Jangan tertipu dengan kursus ‘healing’ berunsur sesat. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/terkini/2025/07/jangan-tertipu-dengan-kursus-healing-berunsur-sesat/>
- Mohamed, M. I. (2025). *Waspada program motivasi metafizik tiada asas Islam – JAIS.* Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/waspada-program-motivasi-metafizik-tiada-asas-islam-jais/>
- Mohd Nor, M. T. (2025) “New Age Movement” ancam akidah spiritual. *Sinar Harian.* <https://www.sinarharian.com.my/article/740328/sinar-islam/akidah/new-age-movement-ancam-akidah-psikospiritual/>
- Mokhtar, R. A. M., & Sa'ari, C. Z. (2015). Konsep sinkretisme menurut perspektif Islam. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, 17(1), 51-78.*
- Mustapa, M., Malek, M., Rahim, S., & Kunarto, F. M. (2025). Analisis kefahaman dan
- Nasir, K. M. (2022). Muslim consumer ethics: Between moral economy and market identity. *Religions, 13(8), 747.* <https://doi.org/10.3390/rel13080747>
- Noordin, M. F. (2021, 30 Jun). Irsyad hukum siri ke-586: *Hukum melakukan istikhharah dengan membuka al-quran secara rawak.* Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4851-irsyad-al-fatwa-siri-ke-586-hukum-melakukan-istikharah-dengan-membuka-al-quran-secara-rawak>.
- Novitasari, P. (2022). Pintu rezeki menurut pandangan Islam. Dalam R. Arrosyid & I. Rizkiansyah (Eds.), *Bunga rampai Islam dalam disiplin ilmu*. (pp. 38-42) Universitas Islam Indonesia.
- Nurdin, M. (2012). The law of attraction dan doa dalam Islam. *Dialogia*, 10(2), 227-240.
- pengamalan akidah dalam kalangan pelajar diploma UiTM Sabah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 8(1), 221-232.
- Possamai, A. (2007). Producing and consuming New Age spirituality: The cultic milieu and the network paradigm. Dalam J. Lewis & D. Kemp (Eds.), *Handbook of New Age* (pp. 151-165). Brill. <https://doi.org/10.1163/ej.9789004153554.i-484.51>
- Qutb, S. (2002) *Tafsir fi zhilalil Qur'an: Dibawah naungan al-Quran*. Gema Insani Press.
- Rahim, N. (2021). Fenomena sinkretisme dalam pembangunan diri kontemporeri. Penerbit UPM.
- Roof, W. C., & McKinney, W. (1987). American mainline religion: Its changing shape and future. Rutgers University Press.
- Shahabudin, M. F. R. (2021). Elemen akidah dalam surah yasin: satu sorotan awalelements of Shaharuddin, S. A., Fauzi, N. U. A., Zain, A. E. M., Salleh, N. M., Usman, A. H., Tengah, A., & Hasnan, R. S. A. (2025). Elemen dan pendekatan dakwah secara berhikmah terhadap golongan al-Riqāb: Kajian Terhadap Pusat Pemulihan di Negeri Selangor.
- Shavrina, I., & Skrebets, V. (2025). New Age as a form of individual religiosity. *Skhid*, 7 (1), 71–77.
- Smyth, F. (2001) *New age to postmodern age the cultural location of metaphysical belief*, [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Dublin City University.
- Sumarlin, A., Syamsuri, H., Yusuf, M., & Mujahid, A. (2023). Sumber dan pintu rezeki menurut al-Quran. *Economics and Digital Business Review*, 4(2), 236-255.
- Susanto, D. (2012). *The power of money magnet*. TransMedia.
- Tolle, E. (2006). *A new earth: Awakening to your life's purpose*. Penguin Life.
- Wijaya, H. R., Hati, S. R. H., Ekaputra, I. A., & Kassim, S. (2024). The impact of religiosity and financial literacy on financial management behavior and well-being among Indonesian Muslims. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11, 830. <https://doi.org/10.1057/s41599-024-03309-6>
- Woelfel, K. (2008). Attraction: The secret of teaching, learning, and leadership. *Academic Leadership: The Online Journal* (2003-2012), 6(2), 4. <http://doi.org/10.58809/WHDM7084>
- Wood, M. (2016). *Possession, power and the New Age: Ambiguities of authority in neoliberal societies*. Routledge.
- York, M. (1995). *The emerging network: A sociology of the new age and neo-pagan movements*. Bloomsbury Publishing PLC.
- York, M. (2016). Paganism and the world forum of religions. *Journal of the Irish Society for the Academic Study of Religions*, 3(1), 42-58.
- Yusof, E. N., & Don, A. G. (2024). Pengukuhan akidah dalam melahirkan pendakwah Zulkifli. (2025, 22 Mei). Benarkah nombor boleh menentukan masa depan anda? <https://www.facebook.com/drzulkiflialbakri/posts/1269440107876496/>